



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



PERBEZAAN INSĀN AL-KĀMIL DAN TUHAN DALAM  
PANDANGAN IBN ʿARABI

*THE DIFFERENCE BETWEEN INSĀN AL-KĀMIL AND GOD IN IBN ʿARABI'S  
VIEW*

Abd Rahman Tajudin<sup>1\*</sup>, Zaifuddin Md Rasip<sup>2</sup>, Earnie Elmie Hilmi<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: [abd\\_rahman\\_tajudin\\_21@iluv.ums.edu.my](mailto:abd_rahman_tajudin_21@iluv.ums.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: [zaifuddin@ums.edu.my](mailto:zaifuddin@ums.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Email: [earnie@ums.edu.my](mailto:earnie@ums.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 26.06.2025

**To cite this document:**

Tajudin, A. R., Rasip, Z. M., & Hilmi, E. E. (2025). Perbezaan Insān Al-Kāmil Dan Tuhan Dalam Pandangan Ibn ʿArabi. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 828-846.

DOI: 10.35631/IJMOE.725055

**Abstrak:**

Pemikiran Ibn ʿArabi dikatakan sebagai menyatukan Tuhan dengan Insān Al-Kāmil. Permasalahan kajian disebabkan pemikiran ini merupakan pengaruh fahaman Platonisme Yunani, Panteisme, Hulūl Syiah Ismaʿīliyyah dan Ittihad Bathiniyyah yang menyamakan Tuhan dengan Insān Al-Kāmil. Maka objektif kajian ini cuba mengenal pembezaan antara Tuhan dan Insān Al-Kāmil. Skop kajian ini meneliti aspek ketuhanan dan insan dalam tekstual beliau. Metodologi kajian dengan mengumpul data daripada karangan beliau dan menganalisa kandunga. Hasil kajian mendapati Tuhan di sisi beliau menepati Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaʿah Al-Asyairah. Malah berlaku pembezaan yang sangat ketara antara Tuhan dan Insān Al-Kāmil. Hasil analisa tersebut mendapati konsep Insān Al-Kāmil merupakan makhluk Allah yang mencapai sifat-sifat yang mulia sebagai manifestasi kepada cerminan Allah di alam ini.

**Kata Kunci:**

*Insān Al-Kāmil, Ibn ʿArabi, Tuhan, Ahli Sunnah Wal Jamaʿah*

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

Ibn ʿArabi's thought is said to unite God with Insān Al-Kāmil. The problem of the study is due to this thinking which is the influence of Greek Platonism, Pantheism, Ḥulūl Shīʿa Ismāʿīliyyah and Ittihād Bathiniyyah which equates God with Insān Al-Kāmil. So the objective of this study is to try to identify the difference between God and Insān Al-Kāmil. The scope of this study examines the divine and human aspects of his text. Research methodology by collecting data from his essays and analyzing the content. The results of the study found that God by his side conforms to the Creed of Ahlī Sunnah Wal Jama'ah Al-Asyairah. There is even a very significant distinction between God and Insān Al-Kāmil. The results of the analysis found that the concept of Insān Al-Kāmil is a creature of God who achieves noble qualities as a manifestation of God's reflection in this world.

**Keywords:**

Perfect Human, Ibn ʿArabi, God, Ahlī Sunnah Wal Jama'ah

**Pendahuluan**

Ibn ʿArabi dikatakan sebagai ahli falsafah yang mengambil falsafah dari luar Islam yang menyamakan *Insān al-Kāmil* dan Tuhan (Abdulfatah, 1999 : 14). Pemikiran tentang *Insān al-Kāmil* dikatakan diambil daripada fahaman luar yang bukan berlandaskan Islam (Lutfullah, 2009 : 62). Ia dikatakan sebagai kefahaman yang diambil daripada idea *Platonisme* Yunani, *Panteisme*, *Ḥulūl* Syiah Ismāʿīliyyah dan *Ittihād* Bathiniyyah yang menyamakan Tuhan dengan *Insān al-Kāmil* (Abdulfatah, 1999 : 15). Maka analisa kandungan terhadap kitab beliau perlu diteliti dan dikaji samaada apakah benar dakwaan tersebut dan benarkah wujud idea sesat tersebut di dalam karya beliau ataupun tidak.

**Sorotan Kajian**

Sesebuah kajian hendaklah didahului dengan latar belakang yang merupakan permasalahan kajian sebagai tapak kajian dilakukan (Sunawari, 2011 : 38). Latar belakang kepada kajian ini adalah kerana konsep *Insān al-Kāmil* dikatakan sesat dan perlu dijauhi. *Insān al-Kāmil* dalam pemikiran Ibn ʿArabi merupakan pengaruh *Neo-Platonisme* yang bukan berada dalam kerangka Islam dan tiada asasnyanya dalam agama (Abdulfatah, 1999 : 19). Malah ia merupakan salah satu fahaman *Syī'ah Ismailiyyah* yang sesat, *zindiq* dan *mulḥid* (Abdulfatah, 1999 : 19). Berpegang dengan konsep ini boleh menyebabkan seseorang itu menjadi *mulḥid* dan terkeluar daripada agama Islam. Maka timbul permasalahan kajian agar konsep ini diteliti semula menurut neraca al-Qur'an dan as-Sunnah.

Konsep *Insān al-Kāmil* juga merupakan terbitan daripada fahaman *Bāṭiniyyah* yang perlu dijauhi yang terkeluar daripada akidah Ahlī Sunnah disebabkan *Ḥaqīqah al-Muḥammadiyyah* yang ada pada diri *Insān al-Kāmil* itu juga merupakan sifat Allah (Lutfullah, 2009 : 110 - 111). Kesan daripada fahaman ini akan meniadakan kuasa Allah yang menjadikan alam semesta kerana Allah itu alam, alam itu *Ḥaqīqah al-Muḥammadiyyah* dan juga *Insān al-Kāmil* sekaligus (Lutfullah, 2009 : 176). Kesannya konsep ini diharamkan dan dijauhi kerana berlaku kesalahfahaman konsep yang sebenar disebabkan tidak merujuk sumber asal karya Ibn ʿArabi.

Konsep *Insān al-Kāmil* juga akan menyebabkan masyarakat terpengaruh dengan fahaman *Pantheisme*, *hulūl* dan *ittihād* yang sesat dan bathil (Lutfullah, 2009 : 105). Fahaman *Pantheisme* menyatakan bahawa zarah alam ini merupakan zarah Tuhan yang tersembunyi. *Insān al-Kāmil* merupakan konsep kesempurnaan Allah yang menjelma dalam diri manusia yang sempurna (Lutfullah, 2009 : 106). Ini akan menyebabkan Allah menyerap masuk dalam diri insan yang menyebabkan *hulūl*. Demikian penyatuan Allah dan insan yang menyebabkan *ittihād* juga berlaku dalam konsep *Insān al-Kāmil* Ibn ‘Arabi (Lutfullah, 2009 : 106). Maka menurut Lutfullah ia haram dipelajari dan perlu dijauhi oleh masyarakat Islam.

Menurut Affifi (1964 : 87), konsep *Insān al-Kāmil* mengandungi elemen Hellenistic yang sesat. Ia merupakan pinjaman daripada pengajaran Stoics, Philo dan *Neo-Platonisme*. Stoic menyatakan *Perfect Man* (*Insān al-Kāmil*) merupakan Kalimah Allah yang paling sempurna yang terkandung padanya kesemua hakikat. Kesemua ini menyatakan *Insān al-Kāmil* itu adalah Allah di alam semesta (Affifi, 1964 : 87, 90). Ini permasalahan yang perlu dikaji semula agar tidak meletakkan sesuatu yang benar itu ke dalam konsep yang salah.

Namun ironinya, kajian terbaharu daripada A. Rosdiana (2017 : 99-100) memperkembangkan konsep *Insān al-Kāmil* ini sehingga menjadi pengurusan pendidikan dalam pembangunan potensi manusia dan menjadi hamba Allah yang terbaik. Malah kajian Ahmad Royadi (2019 : 107-139) memperkembangkan konsep ini sehingga menjadi modul pembentukan akhlak dan karakter insan menjadi 4 kategori iaitu nilai karakter terhadap Tuhan, diri sendiri, sesama insan dan alam sekitar dengan penanaman *al-Asmā’* dan *al-Ṣifāt Ilāhiyyah* ke dalam jiwa. Kajian Sayyidil Yaumi et. al. (2023 : 94-119) menyatakan konsep *Insān al-Kāmil* Ibn ‘Arabi dikembangkan secara sistematik di tangan Abdul Karim Al-Jili (1365-1424) yang menyatakan Nur Muhammad sebagai wadah yang paling tepat untuk manifestasi Tuhan di alam ini. Oleh yang demikian manusia ideal adalah sosok manusia yang mencapai tingkat kesempurnaan yang paling tinggi iaitu Nabi Muhammad sebagai penciptaan sempurna. Nur (roh / cahaya) Muhammad adalah inti atau esensi dari *Insān al-Kāmil* itu sendiri. Dari Nur Muhammad, cahaya tersebut kemudian mengalir dalam proses penciptaan mulai dari Nabi Adam hingga Nabi Muhammad, para wali, dan orang-orang saleh (Sayyidil Yaumi et. al., 2023 : 109). Maka ia adalah konsep yang selaras dengan Akidah dalam mencapai akhlak yang mulia.

Malah kajian Mochammad Harun Rosyid (2023 : 1-16) mendapati konsep *Insān al-Kāmil* tersebut dikembangkan oleh ulama’ Nusantara antaranya adalah Sheikh Muhammad Nafis Al-Banjari (1735-1812) di dalam kitabnya *al-Durr al-Nafis* yang selaras dengan agama Islam. *Insān al-Kāmil* dapat dibentuk jika manusia itu saling menghormati dan menjalankan ajaran agamanya dengan murni dan istiqamah. Menurutnya konsep *Fanā Fī al-Dhāt*, iaitu semua wujud yang ada di alam ini adalah beransur hilang atau sirna di bawah wujud Allah. Wujud alam merupakan penampakan wujud Allah. Menurut Al-Banjari, pemahaman ini hanya sebatas pemahaman dan penyaksian melalui mata batin (qalb) sahaja, dan tidak dilakukan dengan penyaksian secara jasmani (Mochammad Harun Rosyid, 2023 : 5)

Kajian Kevjn Lim (2012 : 73) mendapati konsep *Insān al-Kāmil* Ibn ‘Arabi ini mempengaruhi pemikir India iaitu al-Sirhindi. Menurutnya, *Insān al-Kāmil* merupakan bayang-bayang atau renungan (*al-Dhillu*) yang paling tersempurna wujud daripada Allah. Atribut Ilahi yang sangat sepadan tercermin pada *Insān al-Kāmil* (Kevjn Lim, 2012 : 74). Sesungguhnya, nama-nama Ilahi wujud secara bebas daripada Tuhan di alam ini. Menurut al-Sirhindi, arketaip yang ideal

yang tercipta tersebut adalah *Insān al-Kāmil* yang merupakan 'intipati makhluk kontinjen' (*Ḥaqā'iq al-Mumkināt*) (Kevjn Lim, 2012 : 75).

### Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencari pembezaan *Insān al-Kāmil* dengan ketuhanan dalam tekstual pemikiran Ibn ʿArabi. Oleh yang demikian, kajian ini menganalisa aspek ketuhanan yang terkandung dalam kitab *Futūḥāt al-Makkiyyah*. Penelitian dilakukan benar wujud fahaman *Neo-Platonisme*, fahaman *Syi'ah* dalam *hulūl* serta fahaman *Bathiniyyah* dalam *ittihād* peyatuan Allah dan *Insān al-Kāmil* yang perlu diharamkan. Matlamat kajian ini juga merungkai perbezaan atau persamaan antara ketuhanan dan *Insān al-Kāmil* di dalam teks Ibn ʿArabi. Berdasarkan kepada permasalahan-permasalahan tersebut, terdapat beberapa objektif yang ingin pengkaji capai dalam kajian ini bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, iaitu:

1. Mengkaji dan menghuraikan secara terperinci perbincangan ketuhanan dalam pemikiran Ibn ʿArabi dari landskap Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
2. Menjelaskan konsep insan menurut beliau lantas menungkapkan perbezaan antara konsep ketuhanan dan *Insān al-Kāmil* yang menolak fahaman *Neo-Platonisme*, *ittihād Syi'ah Ismai'iyah* dan *hulūl* fahaman *Bathiniyyah*.


**Jadual 1 : Tuhan Di Sisi Ibn ʿArabi & Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah**

| AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | TUHAN DI SISI IBN ʿARABI                                                                                                        |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Wujud (Ada)<br>2. Qidam (Sediakala)<br>3. Baqa' (Kekal)<br>4. Mukhalafatuhu Lil Hawadith (Berbeza dengan makhluk)<br>5. Qiyamuhu Binafsihi (Berdiri dengan sendiri-Nya)<br>6. Wahdaniyyah (Esa)<br>7. Qudrah (Berkuasa)<br>8. Iradah (Berkehndak)<br>9. Ilmu (Tahu)<br>10. Hayyun (Hidup)<br>11. Sama' (Mendengar)<br>12. Basar (Melihat)<br>13. Kalam (Berkata) | Data daripada kitab <i>Futūḥāt al-Makkiyyah</i> Ibn ʿArabi membicarakan keseluruhan 13 sifat Allah ini dalam konsep akidah ini. |

**Jadual 2 : Perbezaan *Insān Al-Kāmil* & Tuhan Di Sisi Ibn ʿArabi**

| <i>Insān al-Kāmil</i> Ibn ʿArabi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | Tuhan Di Sisi Ibn ʿArabi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Wujūd al-Mumkināt</i> (Wujud Maya)</li> <li>2. Dicipta</li> <li>3. Tujuan Penciptaan : Perhambaan &amp; Mengenal Allah</li> <li>4. Khalifah Allah</li> <li>5. Ada Batasan</li> <li>6. Makhluk paling sempurna</li> <li>7. Gambaran makhluk yang paling sempurna</li> <li>8. Cerminan Allah di alam semesta</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Wājib al-Wujūd</i></li> <li>2. Pencipta</li> <li>3. Agar Allah Disembah &amp; Dikenali</li> <li>4. Memberikan peranan Khalifah kepada insan</li> <li>5. Tiada batasan</li> <li>6. Allah maha sempurna</li> <li>7. Tidak dapat digambarkan</li> <li>8. Zat yang wujud secara hakikat</li> </ol> |

**Gambar Rajah 1 : Carta Alir Proses Kualitatif Kajian**



### **Perbincangan Kajian : Tuhan Di Sisi Pemikiran Ibn ʿArabi**

Kajian tentang *Insān al-Kāmil* dalam karya beliau sangat penting disebabkan beliau merupakan seorang ilmuwan Islam yang sangat prolifik dan unik kerana banyak karyanya terhasil dalam tempoh masa yang tersangat singkat (Afifi, 1990 : 400). Kajian terbaru yang dilakukan oleh Othman Yahya di dalam bibliografinya *Historie et Classification de l'œuvre d'Ibn ʿArabi* mendapati lebih daripada 846 judul kitab yang dikarang oleh Ibn ʿArabi, lantas meletakkannya sebagai ilmuwan yang paling prolifik dalam dunia akademik (Fakhry, 2000 : 283). Antara kita beliau yang sangat memberi pengaruh kepada dunia Islam adalah *Futūḥāt al-Makkiyah*.

Kitab *Futūḥāt al-Makkiyah* mempunyai tujuh jilid dengan mengandungi 560 bab. Jilid pertama membicarakan bab Akidah (Abd Rahman, 2009 : 45). Antara bab Akidah adalah mempercayai kewujudan tuhan yang bernama Allah. Ibn ‘Arabi menyatakan bahawa Ruh sudah mengetahui kewujudan Allah semasa di alam Ruh lagi. Ini selaras dalam Juzuk pertama dalam pembukaan “*Khitbah al-Kitāb*”, Ibn ‘Arabi menyatakan :

“*Segala Puji bagi Allah yang mengwujudkan segala sesuatu daripada tiada dan (berkuasa) mentiadakannya*” (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/15).

Kenyataan beliau ini menandakan bahawa Allah itu sudah wujud sebelum sesuatu atau segala makhluk itu wujud kerana Dia-lah yang mengwujudkan segala sesuatu. Ini menunjukkan bahawa tiada yang sama dengan Allah SWT. Ini juga menyatakan bahawa tiada pun kesamaan Allah dengan *Insān al-Kāmil* yang merupakan makhluk disebabkan Allah sudah sememangnya wujud sebelum *Insān al-Kāmil* wujud lagi. Ini selaras dengan hadis nabi “*Kāna Allāh walam yakun ma’ahū syaiun*” yang bermaksud “Adalah kewujudan Allah itu yang tidak bersama-Nya apa-apa makhluk sekalipun”. Hadis ini menyatakan Allah wujud secara Zat-Nya yang tersendiri yang tiada pun sama dengan-Nya. Kewujudan Allah “*Wahdah*” yang tiada sekutu bagi-Nya.

Ibn ‘Arabi menjelaskan tentang Allah menciptakan makhluk dan Allah bersifat Qidam (Sediakala) :

“*Allah menciptakan makhluk yang bersifat baharu sebagai penzahiran tentang Rahsia kewujudan-Nya yang hakiki yang bersifat dengan Qidam (Sediakala)*” (Ibn Arabi, 2006 : 1/15).

Ini selaras dengan Sifat 20 Manhaj al-Asyairah dan al-Maturidiyyah yang menyatakan bahawa Allah berkuasa menciptakan makhluk yang bersifat baharu. Konsep penciptaan ini bukan berasal daripada fahaman Neo-Platonisme disebabkan makna *Qidam* (Sediakala) adalah tiada permulaan wujudnya. Segala makhluk mempunyai permulaan wujudnya. *Insān al-Kāmil* juga diciptakan oleh Allah juga mempunyai permulaan wujudnya. Ini jelas berlaku pembezaan Allah dan *Insān al-Kāmil*. Ibn ‘Arabi menyatakan :

“*Allah jua yang Awal daripada segala sesuatu sehingga menciptakan ain wujud Hamba (Makhluk) kemudiannya kerana Allah mempunyai Asmā’ al-Ḥusnā yang bernama al-Awwal* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/15).

Jelas daripada penyataan ini bahawa Allah itu bersifat *Qidam* yang tiada permulaan bagi Allah kerana Dialah yang pertama *al-Awwal* daripada segala sesuatu yang wujud permulaan awalnya. Malah Allah jua yang kekal abadi bersifat *Baqā’* yang berkuasa menfana’kan makhluk. Ibn ‘Arabi menyatakan :

“*Allah jugalah yang menfana’kan (mentiadakan) kewujudan ain wujud makhluk kerana mempunyai Asmā’ al-Ḥusnā yang bernama al-Akhir*” (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/15).

Kenyataan ini jelas bahawa hanya yang wujud secara hakikinya adalah Zat Allah yang mempunyai Nama-Nama Allah yang *al-Awwal* dan *al-Akhir*. Melalui *Asmā’* inilah



terwujudnya makhluk dan tersirnya (hapus) makhluk. Kefana'an makhluk ini menandakan bahawa Zat Allah yang kekal abadi tidak sama dengan makhluk yang fana kerana Allah kekal abadi sedangkan makhluk akan fana dan sirna. Maka ia berlandaskan keazalian Allah dalam terminologi al-Asyairah. Kenyataan ini jelas membezakan Zat Allah yang abadi dan *Insān al-Kāmil* yang fana'.

Allah memiliki sifat *Ilmun* (Maha Mengetahui). Ibn 'Arabi menyatakan :  
“Allah maha mengetahui dan mengajarkan ilmu” (Ibn 'Arabi, 2006 : 1/15).

Ia selaras dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menyatakan Allah bersifat Alim (Mengetahui) terhadap segala sesuatu.

Malah Ibn 'Arabi juga menyatakan Allah bersifat *Qadir* (Maha Berkuasa). Beliau berkata :

“Allah berkuasa (*Qadir*) di atas segala sesuatu yang menentukan dan mentakdirkan makhluk” (Ibn 'Arabi, 2006 : 1/15).

Ini jelas bahawa Allah tidak ditakdirkan dan tidak dikeranakan oleh sesuatu makhluk apapun. Ia selaras dengan Akidah al-Asyairah dan al-Maturidiyyah yang menyatakan Allah bersifat *Qudrah* (berkuasa) yang menentukan segala makhluk yang wujud di dunia ini.

Ibn 'Arabi juga menyatakan Allah bersifat *Irādah* (Maha Berkehendak). Beliau menyatakan :  
“Allah SWT Maha Suci yang melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki terhadap ciptaan-Nya” (Ibn 'Arabi, 2006 : 1/15).

Ibn 'Arabi menyatakan bahawa kewujudan yang sebenar secara hakikinya hanya Allah SWT semata-mata :

“Kewujudan Allah SWT adalah kewujudan Hakiki. Tiada daya dan kekuatan melainkan (keseluruhan makhluk) pasti dengan Allah yang terzahir pada makhluk” (Ibn 'Arabi, 2006 : 1/15).

Lantas Ibn 'Arabi menjelaskan lagi tentang kedermawan Allah kerana Dialah yang memberikan kewujudan ini :

“Dengan kewujudan Allah SWT yang hakiki ini maka terpamer sifat kedermawan Allah melalui pemberian rezeki, ilmu serta syurga” (Ibn 'Arabi, 2006 : 1/15).

Disebabkan adanya kewujudan makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT, maka ia ditadbir dan diperintahkan oleh Allah. Hal ini kerana kepunyaan-Nyalah apa yang ada di alam semesta ini. Lalu alam ini berupa tadbiran Ilahi dan diperintahkan oleh Allah semata-mata. Ibn 'Arabi menyatakan :

“Allah SWT memiliki kerajaan (*al-mulk*) dengan kekuatan (*al-'ezz*) dan kekuasaan (*al-sulthan*) serta termulia (*al-jal*)” (Ibn 'Arabi, 2006 : 1/15).

Dengan keperkasaan Allah SWT yang memiliki kerajaan dan kekuasaan yang berhak memutuskan dan menghukum makhluk, namun Allah SWT mempunyai sifat lemah lembut kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih. Ini jelas dalam teks Ibn ‘Arabi :

*“Walaupun memiliki keperkasaan tersebut, Allah SWT sangat lembut (al-latif) kepada hamba-Hambanya”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/16).

Ibn ‘Arabi menjelaskan lagi dengan menyebut ayat-ayat al-Qur’an sebagai pembuktian yang beliau berlandaskan Akidah al-Asyairah yang bersumberkan al-Qur’an:

*“Kesemua ini kerana Allah SWT berbeza dengan Makhluk-Nya selaras dengan firman Allah SWT : “Tiada satu apapun yang serupa (sama) dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat” (Surah As-Syura : 1)”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/16).

Ibn ‘Arabi menjelaskan lagi bahawa Allah SWT itu sangat berbeza dengan makhluknya. Tiada satupun yang sama dengan Allah. Tujuan penciptaannya adalah untuk mengenal Diri-Nya. Pengenalan kepada diri-Nya itu melalui diri Nabi Muhammad SAW. Beliau menjelaskan :

*“Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Esa dan Satu-Satunya hanya Dia. Maha suci dan maha tinggi Allah SWT daripada disekutukan (disyirikkan) oleh golongan Musyrikin. Awal pertama yang diciptakan adalah al-Qalam al-Asmā. Allah SWT ketika mana mahu menjadikan sesuatu adalah bertujuan untuk mencapai diri Muhammad SAW, makhluk yang tersempurna dalam segenap alam. Kewujudan Allah sebelum wujud segala sesuatu* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/17).

Setelah itu, Ibn ‘Arabi menjelaskan peringkat kejadian alam ini. Peringkat kejadian alam ini jelas menunjukkan bahawa Allah berbeza dengan sekalian makhluk termasuk *Insān al-Kāmil*. Hal ini kerana alam itu baharu sahaja muncul secara berperingkat secara tiada kepada ada. Beliau menyatakan dalam kitab *Futūhāt al-Makkiyah* beliau :

*“Penciptaan Makhluk bermula dengan al-Qalam kemudian Jauharah al-Ma’ yang berupa jamad yang sejuk bagaikan jauharah dalam keadaan bulatan (al-Istidar) dan sfera (al-Biyadh) sehingga diciptakan al-ajsam yang mempunyai a’radh, kemudian diciptakan Al-Arasy dan al-Kursi. Setelah itu dipandang air (al-Ma’) terciptalah segala makhluk. Arasy Allah di atas air sebelum kewujudan langit dan bumi. Lantas dikirimkan al-nafs lalu bercampur dengan air (al-Ma’) lalu terkeluarlah kata “Saya Ahmad”. Kemudian diciptakan al-Dukhan”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/17).

Beliau melanjutkan lagi kewujudan ini berdasarkan *Asmā’ al-Ḥusnā* :

*“Kemudian Allah mencipta hakikat-hakikat (Al-Ḥaqaiq) berdasarkan bilang nama-nama (al-Asmā’) yang layak bagi-Nya. Lantas menzahirkan para Malaikat di atas segala bilangan makhluknya, lalu dijadikan setiap hakikat itu Nama daripada nama-nama-Nya yang perlu beribadah dan mengetahui tentang-Nya”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/18).

Ini menunjukkan kewujudan secara hakikatnya adalah kewujudan Allah SWT semata-mata yang mempunyai 99 Nama lalu termanifestasi di alam ini. Maka tidak berlaku persamaan Allah



itu dengan *Insān al-Kāmil* (Makhluk-Nya). Menurut Ibn ‘Arabi, Allah itu berdiri dengan sendirinya tidak memerlukan apa-apa pun. Allah bersifat *Qiyāmuḥū Bi Nafsihi*. Beliau berkata :

*“Sesungguhnya Allah maha kaya (tidak memerlukan) daripada sekalian alam pada zat-Nya, kata-kata kita menyatakan bahawa Dia adalah Tuhan, maka kata-kata kita dalam martabat yang tiada kewujudan”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/95).

Ini jelas menunjukkan akidah *Tanzih*. Penyucian sifat Allah dari pada memerlukan ruang tempat dan masa. Maha suci Allah daripada disifatkan dengan Ruang-Masa yang berupa makhluk. Ibn ‘Arabi menjelaskan bahawa Allah itu hanya satu dan Esa. Beliau berkata :

*“Esa bermakna tunggal dan ganjil. Sesungguhnya Allah itu Ganjil (Esa) dan sukakan angka ganjil. Tidak akan terlihat Allah oleh hamba dalam keadaan genap, tetapi akan terlihat Allah dari aspek ganjil yang Esa Witriat al-fardhiyyah. Allah itu Witriyyah al-Fardhiyyah yang merupakan Tuhan yang satu. Lantas keesaan pada yang satu pada zat-Nya”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 2/100).

Daripada kalam-kalam Allah bersifat Qadir (Maha Berkuasa). ini, jelas menunjukkan bahawa Allah itu bersifat *Tanzih* (Suci). Berlaku pembezaan yang ketara dengan makhluk. Tiada persamaan Allah dengan *Insān al-Kāmil* (Makhluk-Nya) dari aspek kewujudan kerana Allah SWT adalah Qidam dan *Insān al-Kāmil* (Makhluk-Nya) Ibn ‘Arabi bersifat baharu yang mempunyai awal wujudnya.

Malah Ibn ‘Arabi mengupas tentang pembezaan yang sangat ketara Allah dan manusia mahupun makhluk. Ini dijelaskan dalam kajian Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady dalam kitab beliau ‘Ajaran Tasawwuf Nusantara’ yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Ibn ‘Arabi juga didapati menyatakan bahawa Allah bukanlah jirim dan jisim seperti makhluk. Maha suci Allah daripada disifatkan dengan jisim. Ibn ‘Arabi berkata :

*“Maha suci Ia daripada mempunyai pasangan atau anak ; Yang memiliki (segala) (secara mutlak) tanpa sekutu ; Raja yang Mutlak, tanpa wazir ; Maha Pencipta, tanpa mana-mana pentadbir bersekali dengan-Nya ; Yang wujud dengan Zat-Nya tanpa memerlukan keada penjadi yang menjadikannya ; bahkan setiap yang wujud yang selain daripada-Nya berhajat (secara mutlak) kepad-Nya untuk wujudnya ; seluruh alam wujud melalui-Nya, dan ia sahaja yang boleh dikatakan wujud dengan diri-Nya sendiri ; Tidak ada mula bagi wujud-Nya ; dan tidak ada penyudah bagi Baqa’-Nya ; bahkan ia wujud Mutlak tanpa apa-apa kaitan atau syarat. Ia berdiri sendiri-Nya, bukan sebagai jauhar yang dibatasi oleh tempat ; kerana kalau demikian tempat diadakan bagiNya ; bukan pula itu ‘aradh atau sifat (seperti sifat benda), kerana kalau demikian sifat Baqa’ adalah mustahil bagi-Nya ; Ia bukan sebagai jisim, kerana kalau demikian ma aIa ada arah dan ada hadapan bagi-Nya ; Ia Maha Suci daripada semua arah (jihah) dan rantau (aqtar) ; boleh dilihat dengan hati dan mata kalau dikehendaki-Nya (apatah lagi di akhirat bagi yang beriman) ; ia istiwa’ atas ‘Arasy-Nya sebagaimana yang*

*dinayatakannya dan dengan makna yang dikehndaki-Nya sebagaimana 'Arasy dan yang selain daripada-Nya ditetapkan-Nya dan bagin-Nya hidup) yang kemudian dan yang awal". (Ibn 'Arabi as cited in El-Muhammadiy, 2016 : 26-31).*

Ibn 'Arabi berakidah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah apabila beliau mensucikan Allah daripada masa dan tempat. Buktinya melalui kalam beliau :

*"Tidak ada bagi-Nya apa yang seperti-Nya yang boleh ditanggapi oleh akal. Dan akal tidak boleh menuju kepada-Nya (wa la dallat alaihi al- 'uqul). Masa tidak menghad-Nya. Juga tempat tidak memindahkan-Nya dan mengangkat-Nya. Bahkan Dia ada dan tempat tidak ada. Dia ada (sekarang) sebagaimana ia telah ada (sejak azali lagi)" (Ibn 'Arabi as cited in El-Muhammadiy, 2016 : 27).*

Ibn 'Arabi mensifatkan Allah dengan Wujud (Ada), Qidam (sediakala) dan Baqa' (Kekal). Beliau berkata :

*"Tidak ada mula bagi Wujud-Nya dan tidak ada penyudah bagi Baqa'nya"* (Ibn 'Arabi as cited in El-Muhammadiy, 2016 : 27).

Malah Ibn 'Arabi juga mensifatkan Allah sebagai *Mukhālafatuhū lil Hawādith* (Berbeza dengan Makhhluk). Sesungguhnya Allah yang menciptakan segala *al-mumkināt* (makhhluk). Beliau berkata :

*"Dia menciptakan ketetapan (al-mutamakkin) dan tempat (al-makān). Dia mengadakan masa. Dia berfirman (maksud : 'Aku Yang Esa dan Yang Maha Hidup (a-Wahid al-Hayy). Menjaga sekalian makhluk tidak meletihkan-Nya. Sifat-sifat yang bukan Sifat-Nya yang direka oleh makhluk tidak boleh digunakan bagi-Nya. Maha sucilah Dia daripa bertempat pada-Nyaoleh sekalian makhlukyang baharu atau Dia bertempat dalam pada makhluk atau sekalian makhluk itu berada 'selepas daripada-Nya' atau Dia 'sebelum daripada sekalian makhluk'. Bahkan dinyatakan (dalam hadith nabi SAW) maksudnya : 'Dia ada dan tidak adasesuatu bersama-Nya. Kerana kata-kata 'sebelum'da 'selepas' adalah antara sebutan-sebutan yang berkaitan dengan masa, yang Dia ciptakan pula" (Ibn 'Arabi as cited in El-Muhammadiy, 2016 : 28).*

Keseluruhannya tentang ketuhanan mengenai Allah SWT ini yang dipegang oleh beliau merupakan prinsip yang sama dengan Akidah al-Asyairah dan al-Maturidiyyah. Lantas Dr. Uthman El-Muhammadiy membuat kesimpulan terhadap keseluruhan Akidah Ibn 'Arabi:

*"Itulah sebahagian daripada akidahnya yang ada dalam al-Futūhāt yang beliau minta kita semua menjadi saksi tentang keimananya dengan akidah itu. Ia adalah akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah , tidak ada nama lain yang boleh kita camkan untuk akidah yang sedemikian ini. Bagaimakah orang yang mempunyai akidah yang sedemikian ini dicap sebagai 'pantheist' dan sesat?*

*Maha Suci Allah! Apa-apa yang ada pada lahirnya berlawanan dengan akidahnya perlu dita'wilkan mengikut apa yang sewajarnya.” (Ibn ‘Arabi as cited El-Muhammadiyah, 2016 : 30).*

Tentang makna kewujudan secara hakiknya dijelaskan dengan panjang lebar oleh Ibn ‘Arabi. Beliau membezakan kewujudan Allah dengan kewujudan makhluk. Kewujudan Allah adalah *Wājib al-Wujūd* sedangkan kewujudan makhluk adalah *Mumkin al-Wujūd*. Ibn ‘Arabi menyatakan :

*“Dia adalah wujud abadi, dan diri benda-benda mumkin menjadi nyata melalui ketetapan masing-masing disebalik tabir WujudNya (hijab wujudhi), oleh kerana latifahNya (lita'fihi / menyeni). Kita pandang segenap diri benda mumkin – padahal diri kita – disebalik tabir WujudNya, tetapi kita tidak memandang-Nya. Dengan cara yang sama, kita pandang bintang-bintang disebalik tabir langit, tetapi kita tidak memandang langit itu, sungguhpun kita tahu benar bahawa di antara kita dengan bintang-bintang, adanya langit. Betapapun juga, langit memiliki suatu bentuk latifah (menyeni) sehinggakan tidak menabir apa-apa yang berada dibelakangnya. [Allahu latifun bi ibadihi] Allah Maha lembut terhadap hamba-hamba-Nya (al-Shura 42:19). Sebahagian daripada kehalusan Allah ialah Dia yang nyata kepada mereka dalam setiap hal ehwal mereka, tetapi jatuh pandangan hamba hanya kepada sebab-sebab yang mereka saksikan sahaja, lantaran itu mereka hubungkan penglibatan mereka dengan hal ehwal yang berlaku. Demikian, al-Haqq zahir dengan menjadi hijab, maka Dia Yang Nyata, Yang Sembunyi (al-zahir al-mahjub). Dia al-Bāṭin dek kerana tabir, bukan kerana anda, dan Dia al-Zahir oleh kerana kedua-duanya, iaitu anda dan hijab. Maha Suci Dia yang menabir DiriNya dalam ZahirNya dan Zahir dalam hijabNya! (fa subhana man ihtajaba fi zuhurihi wa zahara fi hijabihi) Mata tidak memandang yang lain melainkan Dia, dan tiada hijab yang tersingkap bagi-Nya” (Ibn Arabi, 2006 : 6/365).*

Ibn ‘Arabi menjelaskan tentang *Wujūd al-Muṭlaq* Allah iaitu tanpa terikat dengan apa-apa pun yang boleh menghalang-Nya. Maksudnya kewujudan-Nya adalah Esa yang tidak berlaku *Panteisme*, *Ittihad* mahupun *Hulul*. Beliau menyatakan bahawa :

*“Ketahuilah sesungguhnya Allah SWT memiliki wujud yang mutlak, tetapi tiada keterikatan yang dapat menghalang Dia daripada terikat. Sebaliknya, Dia memiliki kesemua keterikatan. Oleh yang demikian Dia mutlak. Tiada suatu keterikatanpun di sebalik keterikatan yang lain dapat memberi kesan kepadaNya. Maka fahamilah makna kemutlakan bagi-Nya” (Ibn Arabi, 2006 : 5/241).*

Kesemua makhluk bergantung kepada yang memberi wujud sebenar iaitu Allah. Makhluk yang tidak memiliki kewujudan hakiki memerlukan kepada kewujudan Allah yang hakiki. Oleh yang demikian, makhluk berhajat hanya kepada Allah yang memberikan kewujudan. Ibn ‘Arabi menyatakan :

*“Tetapi bagi anda yang benar-benar mahu mentahqiqkan kesemua nama Allah, hendaklah bertafakur atas firman-Nya : “ Wahai manusia, kamu fakir*

*(sangat berhajat) kepada Allah (al-fatir 35 : 15). Hakikatnya tiada lain dalam wujud melainkan pernyataan Asma'-Nya” (Ibn Arabi, 2006 : 5/455).*

Sumber kewujudan daripada Allah SWT. Kesemua makhluk berasal daripada Allah SWT. Namun Allah itulah sebenarnya Wujud. Selain daripadanya adalah makhluk yang tidak sama dengan pemberi kewujudan. Ini jelas daripada kenyataan Ibn ‘Arabi dalam menjelaskan tentang Allah adalah sumber kewujudan:

*“Demikian Hu adalah sebenar-benar sumber (‘ayn) segala sesuatu dalam tampak nyata (al-dhuhur); Hu bukan diri (‘ayn) segala sesuatu dalam diri mereka, Maha Suci dan Maha Tinggi Dia (Hu) [daripada pendapat sedemikian]! Tidak, bahkan Hu adalah Hu dan segala sesuatu adalah segala sesuatu.” (Ibn Arabi, 2006 : 4/170).*

Perbezaan kewujudan Khaliq dengan kewujudan makhluk itu jelas dari aspek permulaan kewujudan. Setiap yang ada awal wujudnya maka ia adalah makhluk, ia berbeza dengan Azali yang tiada kewujudan awalnya. Ibn ‘Arabi menyatakan bahawa benda baharu (alam) memiliki permulaan :

*“Dalam pandangan (golongan) kami, tiadanya perselisihan pendapat berkenaan Zat tidak mungkin diketahui. Baginya (Zat) dinyatakan pernyataan yang menjadikannya tanzih menerusi sifat-sifat benda baharu (al-hadath). Zat memiliki al-Qidam (sediakala) dan kepada wujud-Nya disifatkan al-azal. Tetapi kesemua Nama ini menyatakan penafian, seperti penafian adanya permulaan dan semua perkara yang terkait dengan benda baharu (Ibn Arabi, 2006 : 1/244).*

Ibn ‘Arabi menyatakan bahawa Allah SWT yang bernama *al-Zahir* dan *al-Bathin* termanifestasi di alam semesta ini yang wujud segala sesuatu :

*“Dia Yang Maha Nyata (al-Zahir), Yang Maha Tersembunyi (al-Bathin). Dia Nyata bagi Diri-Nya, dengan demikian Dia tidak putus-putus (fa ma zaala) nyata. Dan Dia tersembunyi daripada makhluk-Nya, dengan demikian Dia tidak putus-putus sembunyi. Maka Dia (Zat) tidak dapat diketahui selamanya (Ibn Arabi, 2006 : 7/290).*

Ibn ‘Arabi menyatakan tentang Akidah Tanzih yang menjelaskan tentang kewujudan zahir dan batin yang wujud di alam semesta ini sebagai petunjuknya adalah Zat yang hakiki yang bernama *al-Zahir* dan *al-Batin* :

*“Dengan demikian nama al-Zahir dan al-Batin apabila dirujuk penisbahan Allah Ta’ala kepada Diri-Nya dan yang selain daripada-Nya, maka bagi Diri-Nya, Dia ialah al-Zahir. Tetapi apabila dinisbahkan kepada yang selain daripada-Nya, Dia tersembunyi. Dari perspektif ini Yang Maha Tersembunyi ialah keadaan yang hanya dapat difahami dalam terma makhluk. Manakala melalui perspektif tanzih, alam ialah pernyataan nama “Yang Maha Nyata,” kerana tiada yang berkongsi wujud dengan-Nya. Manakala keDiaan-Nya ialah nama “Yang Maha Tersembunyi. Sebagaimana kata berikut: Tanzih-Nya*

*ialah Dia tidak berkongsi dengan apa-apa pun dalam wujud. Dialah wujud, tiada yang lain. Apa-apa yang Dia gelar sebagai alam ialah nama Yang Maha Nyata, dan (nama) itu wajah-Nya. Berkenaan sisi sembunyi-Nya, yang dinisbahkan kepada nyata-Nya ialah nama Yang Maha Tersembunyi (dan itu adalah keDiaan-Nya (Huwayatuhu). Oleh yang demikian Dia nyata pada alam, dan Dia kekal tersembunyi kepadanya (Ibn Arabi, 2006 : 4/170).*

Ibn °Arabi menyatakan bahawa wujud hakiki hanya Zat Allah. Itulah yang dinamakan *al-Ḥaqq*. Kewujudan Zat Allah ini adalah Mutlak yang tidak terikat dengan makhluk. Disebabkan kewujudan ini, maka menciptakan kewujudan yang lain kerana Allah maha berkuasa dan berkehendak. Maka makhluk yang wujud sementara ini bergantung sepenuhnya kepada wujud hakiki. Beliau menyatakan tentang hal ini :

*“Kita hanya dapat mengatakan bahawa al-Ḥaqq s.w.t. mawjud melalui Zat-Nya, untuk Zat-Nya. Wujud-Nya mutlak tanpa terikat oleh pihak lain. Dia bukanlah akibat dari sesuatu dan tidak menjadi sebab untuk sesuatu. Bahkan Dialah pencipta segala akibat dan sebab-sebab. Yang Maha Memiliki Segala Kekuasaan lagi Maha Suci, yang kekal selama-lamanya. Alam semesta mawjud melalui Allah s.w.t., bukan melalui dirinya sendiri atau untuk dirinya sendiri. Wujud alam dibatasi oleh Wujud al-Ḥaqq pada Zat-Nya, sehingga wujud alam semesta tidak mungkin ada sama sekali melainkan melalui Wujud al-Ḥaqq. Jika waktu dinafikan daripada Wujud al-Ḥaqq dan Wujud Dia yang memulai penciptaan alam, maka dengan sendirinya alam semesta ditemui menempuh masa (iaitu yang selain daripada tanpa masa). Kita tidak katakan, melalui perspektif sebenar perkara ini bahawa Allah SWT ada "sebelum" alam semesta, kerana telah ditetapkan bahawa kata "sebelum" adalah termasuk dalam ungkapan waktu, sedangkan tidak ada waktu dalam hal ini. Demikian juga kita tidak dapat mengatakan bahawa alam semesta ada "setelah" wujud al-Ḥaqq, kerana memang tidak ada "setelah" dalam hal ini. Kita juga tidak dapat mengatakan bahwa alam semesta ada "berserta" dengan wujud al-Ḥaqq, kerana al-Ḥaqq yang mewujudkan alam, Dia pelakunya, yang menjadi penciptanya (tanpa sebarang rujukan) ketika alam belum menjadi apa-apa. Ungkapannya hanyalah seperti perkataan kami tadi, iaitu al-Ḥaqq mawjud melalui Zat-Nya, untuk Zat-Nya. Sedangkan alam semesta mawjud melalui-Nya, itu sahaja. Jika ada seseorang yang memiliki keraguan bertanya: "Bilakah wujud alam tercipta jika dibandingkan dengan Wujud al-Ḥaqq?" Kami akan menjawab bahawa kata "bila" adalah pertanyaan yang bersangkutan dengan waktu, sedangkan waktu berasal dari alam penisbahan, iaitu makhluk ciptaan Allah SWT Tambahan pula, alam penisbahan hanyalah memiliki penciptaan dalam bentuk pengukuran, bukan penciptaan wujud. Oleh yang demikian, pertanyaan ini terbatal dan tertolak. Perhatikanlah bagaimana anda bertanya. Jangan sampai “alat penyampai kepada pemahaman” (ungkapan tashbih dalam al-Quran dan sunnah) menghalangi anda daripada mentahqiq dan memperolehi makna-makna tersebut dalam dirimu. Tidak ada yang tinggal hanyalah Wujud Sejati nan Murni. Itulah Wujud al-Ḥaqq SWT Wujud itu bukanlah wujud yang ada setelah ketiadaan. Kedua ialah wujud yang ada setelah ketiadaan ‘ayn mawjud mereka, iaitu wujud alam semesta. Kedua-dua wujud tersebut tidak terdapat "antara" juga*



*tiada perpanjangan, kecuali sekadar pertimbangan khayal namun mustahil menurut ilmu, sehingga tidak dapat dianggap ada sama sekali. Tetapi yang ada hanya Wujud Mutlak dan wujud terbatas, Wujud Pelaku dan wujud pelaku yang diizinkan oleh Pelaku lain. Demikianlah yang diberikan oleh hakikat-hakikat yang sebenarnya. (Ibn Arabi, 2006 : 1/140-141).*

Maka jelas daripada perbahasan ini, Ibn ‘Arabi telah terbukti membezakan Allah sebagai pencipta dengan makhluk sebagai yang dicipta. Tiada penyamaan zat antara Allah itu dengan makhluknya kerana makhluk hakikatnya tidak wujud secara mutlak. Ia merupakan kewujudan yang diwujudkan oleh kewujudan *al-Haqq*. Maka sememanya ia berbeza sama sekali. Maka ia menjadi jawapan kepada tuduhan yang menyatakan beliau menyamakan Allah dengan makhluknya.

### **Insan Di Sisi Pemikiran Ibn ‘Arabi**

Insan pada sisi Ibn ‘Arabi merupakan makhluk Allah SWT. Insan memiliki beberapa kelebihan berbanding makhluk yang lain. Insan pula mempunyai beberapa tingkatan, ada yang tertinggi dan ada yang terendah. Lantas Ibn ‘Arabi menyatakan kedudukan insan termulia dengan menggelar mereka sebagai nama-nama khas antaranya Qutub, Nujaba’, Autad dan Atqiya’. Kata Ibn ‘Arabi:

*“Kemudian Allah mengeluarkan dari induk awal iaitu cahaya Qutub matahari yang bertasbih di orbit falak dan mengeluarkan cahaya Nujaba’ bintang yang bertasbih di falak karamah, dan menyatakan empat autad dengan empat rukun. Lalu terjaga dengan dua tqaaqalan. Kemudian mengirinkan tujuh Abdal dengan pengirinan yang bijaksana dan maha mengetahui, satu raja di atau iklim yang tujuh, setiap satu iklim ada wali Abdal. Dan diuruskan oleh wal Qutub dengan dua imam, dan menjadikan dua imam ini di atas dua zaman. Ketikamana Allah membentuk alam ini di atas ghayah al-itqan dan tidak ada lagi ciptaan, maka terpamerlah jasad Nabi Muhammad SAW. Lantas diri Nabi Muhammad itulah petunjukkan kepada hakikat alam semesta. Selayaknya sebagai dalil petunjuk kepada Pencipta. Ia selaras dengan hadis “Sesungguhnya Allah sudah sedia wujud dan tiada apapun sesuatu bersama Allah bahkan Dia wujud sepertimana sedikala Dia wujud” (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/18).*

Ini menunjukan pembezaan yang ketara antara Allah SWT sebagai tuhan dan Nabi Muhammad SAW sebagai *Insān al-Kāmil*. Hal ini kerana Allah sudah wujud sebelum makhluk terutama *Insān al-Kāmil* wujud. Ini bermakna Allah menyendiri yang tidak akan pernah menyatu bersama makhluk kerana kewujudan Allah “kesendirian” yang makhluk belum terwujudpun. Maka tiada penyatuan antara Allah dan *Insān al-Kāmil* seperti yang didakwa dalam konsep *Ittiḥād* Ismailiyyah Batiniyyah.

Insan pada pemikiran Ibn ‘Arabi adalah makhluk Allah SWT. Ia dicipta untuk mengenal dan beribadah kepada Allah SWT. Insan merupakan makhluk Allah yang diciptakan dengan sebaik-baik kejadian. Insan terdiri daripada ruh dan jasad yang berbeza dengan Allah.. Insan adalah kewujudan akhir di dalam Alam Al-Akbar. Ini jelas dalam kalam Ibn ‘Arabi :



*“Permulaan jasad insan merupakan kewujudan terakhir di dalam Alam Al-Akbar”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/186).

Ini bermakna kewujudan hakiki yang pertama hanya Zat Allah SWT sahaja secara mutlak yang dipanggil sebagai *al-Wujūd al-Muṭlaq*. Kemudian kewujudan *al-Haqīqah al-Kullīyah* yang yang kedua dalam menerangkan tentang kewujudan Zat *al-Muṭlaq* tersebut (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/186).

*“Tiada apapun yang wujud bersama Allah SWT. Kemudian diciptakan sesuatu untuk mengenal kewujudan Allah SWT tersebut berupa Alam termasuk Arasy, Falak, Alam Semesta dan sebagainya sebagai kewujudan yang ketiga. Lantas diciptakan insan sebagai kewujudan keempat dan terakhir sekali sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi ini”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/186).

Kewujudan insan yang terakhir ini menunjukkan ia adalah dicipta oleh Allah SWT sebagai Khalifah di bumi. Disebabkan oleh itu, insan diberikan kemampuan dan potensi dalam memakmurkan alam ini. Allah SWT menundukkan segala makhluk yang ada di atas muka dunia ini kepada manusia. Ini selaras dengan Firman Allah SWT (al-Jatsyiah : 13) (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/184).

Kewujudan insan bertujuan untuk merealisasikan bentuk perhambaan disebabkan kewujudan Tuhan yang hakiki. Ibn ‘Arabi:

*“Adapun kata-kata kami, kenapa diadakan dan apa tujuan sebenarnya? Maka Allah SWT berfirman “Tidaklah aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku (Ad-Dhariyat : 57). Maka jelas tujuan penciptaan untuk mencapai hakikat peribadatan, demikian alam keseluruhannya, lantas mengkhususkan kita dan jin dengan penyebutan”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/185).

Maka kewujudan insan menurut Ibn ‘Arabi adalah bertujuan untuk beribadah kepada Allah. Maka tidak berlaku penyamaan Allah dan insan disebabkan insan merupakan ciptaan Allah agar insan melakukan peribadatan kepada Tuhan yang menciptanya. Beliau menyatakan bahawa insan dapat mengetahui hadrat ketuhanan kerana insan diciptakan oleh Allah SWT mengikut gambaran-Nya. Beliau berkata :

*“Daripada bab ini di dalam tempat insan mengetahui timbangannya daripada Hadrāh al-Ilāhiyyah disebabkan hadis ‘Sesungguhnya Allah menciptakan nabi Adam di atas gambaran-Nya’ Maka dimasukkan sifat Ilāhiyyah dalam timbangan”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 5/12).

*“Dan tidak berkongsi dan bersatu dalam had bersama-Nya disebabkan Allah tidak mempunyai had batasan pada Zat-Nya sedangkan insan mempunyai had batasan zatnya”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 5/12).

*“Setiap makhluk mempunyai had, Insān al-Kāmil adalah makhluk yang paling sempurna dan terhimpun padanya segala dalam perkembangannya dan dan martabat kewujudannya”.* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 5/12).

Lantas dijelaskan dengan tegas oleh Ibn ‘Arabi bahawa Allah tetap merupakan pencipta dan makhluk tetap merupakan yang dicipta. Beliau berkata:

*“Maka Dialah Allah pencipta dan kamu hamba merupakan makhluk yang dicipta”.* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 5/12).

Perbezaan antara Allah dan *Insān al-Kāmil* dijelaskan dengan tekstual ini yang menyatakan Allah tetaplah Allah dan tidak akan menjadi makhluk. Beliau berkata :

*“Maka engkau adalah engkau, dia adalah dia ‘Tiada Tuhan selain Dia yang Maha Perkasa dan maha Bijaksana’ (Ali Imran : 6) Tiada apa-apapun sesuatu yang sama dengan-Nya, dan Dialah maha mendengar lagi maha melihat (As-Syura : 11)”.* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 5/12).

Kewujudan makhluk selain daripada Allah itu merupakan kewujudan yang maya yang bukan mutlak secara hakikatnya. Beliau berkata :

*“Maya (al-khayal) bukanlah sesuatu yang mawjud bukan juga tidak wujud, bukan sesuatu yang diketahui mahupun tidak diketahui, bukan suatu penyangkalan (munfi) mahupun penyungguhan (muthabbat). Laksana seseorang mencerap sikap rupanya (suratihi) di sebalik cermin, dengan sesungguhnya menerusi suatu aspek (qat’an), dia mengetahui bahawa dia telah mencerap sikap rupanya. Meskipun demikian pada aspek lain, dia mengetahui bahawa dia tidak mencerap sikap rupanya. Sama halnya ketika anda mencermati pada cermin sesuatu yang kecil, kerana kecilnya cermin, sedangkan anda mengetahui bahawa sikap rupa anda lebih besar daripada yang kelihatan, malah mendekat pun tidak. Tatkala cermin itu besar, anda mencermati sikap rupa anda memuncak besar, sedangkan sesungguhnya sikap rupa anda lebih kecil berbanding yang diteliti. Dia tidak mampu memungkiri bahawa dia telah melihat sikap rupanya; dan dia tahu bahawa sikap rupanya itu bukan di dalam cermin, mahupun berada di antara dia dengan cermin .... Perkara yang kami ungkapkan ini ketara tatkala seseorang melihat pantulan rupanya pada lebar dan panjangnya mata pedang, tanpa sangsi anda melihat rupa sendiri. Namun tidak benar dan tidak dusta, tutur kata seseorang, “daku melihat sikap rupaku,” atau “daku tidak melihat sikap rupaku” (Ibn ‘Arabi, 2006 : 1/459).*

Ibn ‘Arabi menyatakan jelas membezakan Allah dan makhluk-Nya :

*“Dia Allah, Pencipta; dan anda adalah hamba, materi ciptaan. Bagaimana mungkin materi ciptaan mengetahui penciptanya? Perkara yang dituntut oleh materi ciptaan daripada penciptanya, hanyalah gambaran pengetahuan pencipta berkenaan dirinya. Anda adalah materi ciptaan Penciptamu. Oleh yang demikian gambaran anda berkait dengan gambaran PengetahuanNya tentang anda; dan demikianlah dengan setiap materi ciptaan.”* (Ibn ‘Arabi, 2006 : 5/12).

Ibn ʿArabi tekad dengan prinsip bahawa hamba dan Rabb tidak mungkin bercampur aduk. Makhluk sama sekali tidak melampaui batas hakikat diri mereka. Beliau menyatakan:

*“Hadd (Batasan): Jika anda bertanya, apa itu hadd? Jawab kami: Pemisah antara anda dengan Dia, supaya dengan itu anda mengenali siapa diri anda; Lantaran itu anda mengenali bahawa Dia adalah Dia, sehingga anda kekal beradab dengan-Nya, dan itulah hari raya (ʿīd / Kembali) bagi anda” (Ibn ʿArabi, 2006 : 3/191).*

Ibn ʿArabi jelas menyatakan hamba itu tetap hamba dan tuhan itu tetap tuhan. Beliau menyatakan:

*“Adalah Mustahil untuk berubahnya hakikat. Hamba adalah hamba dan al-Rabb adalah Rabb. Demikian, al-Haqq adalah al-Haqq dan makhluk adalah makhluk; (Ibn ʿArabi, 2006 : 3/555).*

Ibn ʿArabi jelas kemustahilan untuk manusia menjadi tuhan dengan tegas. Beliau menyatakan:

*“Bagaimana mungkin manusia dapat berhenti menjadi manusia atau malaikat berhenti menjadi malaikat? Jika perkara ini terjadi, hakikat akan berbolak-balik (inqilāb). Allah akan berhenti sebagai Allah, al-Haqq akan menjadi makhluk dan makhluk menjadi al-Haqq. Tiada sesiapa lagi yang dapat bergantung dengan ilmu pengetahuan. Yang wajib akan menjadi mungkin, yang mustahil menjadi wajib, dan peraturan (al-nizām) rosak binasa. Oleh yang demikian tiada jalan yang dapat melemparkan segala hakikat (Ibn ʿArabi, 2006 : 5/77).*

Ibn ʿArabi jelas membezakan tuhan dan makhluk. *Insān al-Kāmil* yang mengenal Allah juga sebagai cerminan Allah juga tetap merupakan makhluk yang maya. Beliau menyatakan:

*“Tetapi golongan yang sempurna mengenal Allah sama sekali tidak memiliki dagang. Asal tempat mereka adalah aʿyān thābitah, mereka tidak pernah meninggalkan waṭan mereka. Memandangkan al-Haqq adalah cermin mereka, gambaran mereka terzahir pada-Nya, sebagaimana imej terzahir pada cermin. Justeru kesemua gambaran itu bukanlah ʿayn mereka, kerana gambaran terzahir berdasarkan bentuk cermin. Tidak juga gambaran tadi ʿayn cermin, kerana pada zatnya cermin itu tidak terpisah-pisah daripada apa-apa yang terzahir daripada mereka atau pada diri mereka sendiri. Oleh itu mereka tidak dagang. Mereka adalah golongan yang menyaksikan wujud. Bagi golongan tertinggi, mereka tidak melihat sesuatupun keluar daripada waṭannya. Sebaliknya yang wajib adalah wajib, benda mungkin adalah mungkin dan benda mustahil adalah mustahil. Justeru waṭan bagi setiap yang memiliki waṭan ditetapkan. Sekiranya keadaan dagang berlaku di kalangan mereka, hakikat akan berbolak-balik, yang wajib menjadi mungkin, yang mungkin menjadi wajib dan yang mustahil menjadi mungkin. Sedangkan keadaannya tidak (Ibn ʿArabi, 2006 : 4/235).*

Beliau menyatakan lagi :

*“Para filsuf berkata, tidak ada yang muncul menjadi ada daripada Yang Satu melainkan satu. Tetapi alam ini berbilang-bilang, oleh itu ia muncul menjadi ada daripada yang berbilang-bilang, dan berbilang-bilang itu tidak lain tidak bukan adalah asma` al-Ilahiyyah. Justeru, Dia Esa menerusi ketunggalan yang banyak (ahadiyyah al-kathrah) - ahadiyyah yang dituntut oleh alam melalui zatnya. Di sebalik ungkapan para filsuf mengenai yang satu, yang muncul menjadi ada daripada Yang Satu, tatkala mereka menyaksikan bahawa yang berbilang-bilang muncul menjadi ada daripada yang satu – meskipun telah mereka ungkapkan bahawa ianya satu pada kemunculannya – mereka dipaksa untuk mengambil kira wajah berbilang-bilang, yang terbit daripada Yang Esa dan melaluinya yang berbilang-bilang muncul. Oleh yang demikian penisbahan wajah yang berbilang-bilang kepada kemunculan itu adalah penisbahan asma` al-Ilahiyyah kepada Allah. Jadi kenapa tidak biarkan sahaja yang berbilang-bilang terbit daripada-Nya, sebagaimana ianya berlaku pada keadaan sebenar? Sebagaimana yang berbilang-bilang memiliki ahadiyyah, dinamakan sebagai “ahadiyyah al-kathrah,” demikian juga dengan Yang Esa memiliki berbilang-bilang, dinamakan sebagai “kathrah al-wāhid,” dan perkara inilah yang kami terangkan. Sesungguhnya Dia adalah al-Wāhid al-kathir (dan al-kathir al-Wāhid (Perkara ini merupakan suluhan terang yang dapat dinyatakan berkenaan persoalan ini (Ibn ‘Arabi, 2006 : 8/15).*

Ibn ‘Arabi jelas menyatakan mustahil berlaku perubahan (*inqilab*). Sesungguhnya Allah itu tetap Allah, makhluk tetap makhluk. Beliau menyatakan:

*“Bagaimana mungkin manusia dapat berhenti menjadi manusia atau malaikat berhenti menjadi malaikat? Jika perkara ini terjadi, hakikat akan berbolak-balik (inqilāb). Allah akan berhenti sebagai Allah, al-Haqq akan menjadi makhluk dan makhluk menjadi al-Haqq. Tiada sesiapa lagi yang dapat bergantung dengan ilmu pengetahuan. Yang wajib akan menjadi mungkin, yang mustahil menjadi wajib, dan peraturan (al-nizām) rosak binasa. Oleh yang demikian tiada jalan yang dapat melemparkan segala hakikat (Ibn ‘Arabi, 2006 : 7/14).*

Secara kesimpulan daripada data-data yang dibentangkan menunjukkan Ibn Arabi membezakan Tuhan dan *Insān al-Kāmil*. Tiada berlaku penyatuan antara Allah itu dengan *Insān al-Kāmil*, mahupun tiada persamaan zatpun antara *Insān al-Kāmil* itu adalah Allah.

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisa kandungan, Ibn ‘Arabi didapati membezakan Allah dan *Insān al-Kāmil*. Tiada penyatuan *Ittihād* dan *Hulūl* antara Allah dan *Insān al-Kāmil* itu kerana hakikat yang ada hanya Allah sebagai *Wujud al-Muṭlaq* sedangkan hakikatnya makhluk itu tidak berwujud secara zat tetapi secara maya. Kajian ini mencapai objektif kajian disebabkan data-data yang ditemui dari kitab *Futūḥāt al-Makkiyah* mendukung akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah. Hasil kajian dapat menemui perbezaan antara Tuhan dan *Insān al-Kāmil*. Sumbangan kajian ini dapat dapat membersihkan konsep *Insān al-Kāmil* ini dalam ilmu Tasawwuf agar

tidak dijauhi oleh masyarakat kerana ia dianggap sebagai satu fahaman yang sesat kerana melibatkan *hulul* dan *ittiḥād*, sedangkan kajian mendapati sebaliknya yakni tiada konsep *hulul* dan *ittiḥād* tersebut. Kesannya konsep *Insān al-Kāmil* ini akan dikaji dengan lebih lanjut dan terbuka dalam membentuk modul terbaik pembangunan modal insan dalam mencapai makna hakikat ketuhanan.

### Penghargaan

Suatu kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas keizinan-Nya, Rahmat-Nya serta inayah-Nya dalam menyempurnakan penelitian dan kajian ini. Ucapan ribuan terima kasih kepada pembimbing utama dalam kajian jurnal ini Dr Zaifuddin dan juga Dr. Earnie yang sentiasa memberikan revisi, bimbingan, dukungan dan kupasan ilmiah mereka sepanjang proses kajian dan penelitian ini berlangsung. Penyelidikan, penelitian dan kajian ini tidak akan terlaksana dengan sempurna tanpa kesempatan kontribusi ilmiah dan bantuan idea yang telah diberikan oleh mereka berdua. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan redha buat mereka dalam memperkukuhkan kajian ilmu legasi Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

### Rujukan

- A. Rusdiana. (2017). Pemikiran Ahmad Tafsir Tentang Manajemen Pembentuk Insan Kamil. *Jurnal At-Tanbai*. Volume 2. Juli – Disember 2017. 97-119.
- Abd Rahman. Tajudin. 2009. *Falsafah & Tasawwuf Menurut Ibn Arabi*. Tesis Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdulfatah. 1999. *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniyah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka (DBP).
- Affifi. A. E. 1964. *The Mystical Philosophy Of Muhyid Din – Ibnul Arabi*. Lahore : Ashraf Press Aibak Road, Kahsmiri Bazar.
- Afifi. 1990. *A History of Muslim Philosophy*. United Kingdom : Cambridge University Press
- Ahmad Royadi. (2019). *Pendidikan Karakter Berbasis Tasawwuf : Studi Analisis Konsep Insan Kamil Ibn Arabi*. (Tesis Sarjana) Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Al-Qur'an al-Karim*
- El-Muhammady. 2016. Muhammad Uthman El-Muhammady. *Ajaran Tasawwuf Ulama' Nusantara*. Kelantan : Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Fakhry. Majid. 2000. *Encyclopedia Of Islam*. Colombia : University Press.
- Ibn 'Arabi. 2006. *Al-Futuhat Al-Makkiyah*. 7 Jilid. Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah : Beirut, Lebanon.
- Kevjn Lim. (2012). Unity of Being vs. Unity of Experience : A Comparative Primer of Ibn 'Arabi's and Ahmad Sirhindi's Ontologies. *Journal of the Muhyiddin Ibn 'Arabi Society*. 51, 57-75.
- Lutfullah. 2009. *Al-Insan Al-Kamil Fi Fikr As-Sufi : 'Ardh Wa Naqd*. Mesir : Dar Al-Huda An-Nabawi Masr.
- Mochammad Harun Rosyid. (2023). Kajian Pemikiran Konsep Tasawwuf Insan Kamil Muhammad Nafis Al-Banjari Dalam Kitab Ad-Durr An-Nafis. *Istiqamah : Jurnal Ilmu Tasawuf*. 4(1), 1-16.
- Sayyidil Yaumi, Sahrul Hidayat & Iksan Maulani. (2023). Konsep Manusia Sempurna : Studi Pemikiran Abdul Karim Al-Jili. *Jurnal Moderasi: the Journal of Ushuluddin and Islamic Thought, and Muslim Societies*. 3(1), 94-117.
- Sunawari. A. Long. 2011. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia